

14/06/2003

Pemimpin Asia Timur berkampung 8 hari

KUALA LUMPUR: Pemimpin belia dari seluruh Asia Timur akan berkampung selama lapan hari di negara ini bagi membincangkan isu semasa dunia pada Persidangan Belia Asia Timur (EAYC), September depan.

Mereka akan berbincang mengenai aspek globalisasi, politik, sosial dan alam sekitar dengan dibimbing beberapa penceramah seluruh dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan persidangan yang julung kali diadakan itu.

Penolong Setiausaha Pergerakan Pemuda Umno, Zulkifli Mohd Alwi, berkata

persidangan berkenaan dibahagikan kepada dua sesi, iaitu di Sutera Harbour, Sabah dari 7 hingga 9 September manakala sesi kedua di Genting Highlands dari 10 hingga 14 September.

"Seramai empat pemimpin belia dari sektor awam, swasta, pertubuhan bukan

kerajaan (NGO ) dan ahli akademik dari setiap negara akan hadir pada persidangan itu bagi membincangkan hala tuju belia Asia Timur.

"Sabah dipilih bagi membuktikan negeri berkenaan selamat untuk dikunjungi pelancong tempatan dan asing," katanya pada sidang akhbar di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini semalam.